



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN *DIGITAL@SEBERANG PERAI***

### **OLEH**

**YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH**

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN, PERANCANGAN BANDAR & DESA**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**09 OKTOBER 2021 (SABTU)  
10.30 PAGI**

**SECARA MAYA (*VIRTUAL*)  
DEWAN KENANGA, MENARA MBSP  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berusaha Tuan Kamarul Haizal Bin Koderat**

Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah

Yang Dihormati WHIP Parti

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan 'Ainul Fadhilah Binti Samsudi**

Pengurus Besar  
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berusaha Puan Nur'Aishah binti Md Norodin**

Ketua Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Kerajaan Tempatan

**Yang Berusaha Tuan Adenan Bin Md Isa**

Pengarah Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Sharimah Binti Salleh**

Pengarah  
Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

**Puan Fatin Nurhazirah Binti Ismail**

Penolong Setiausaha

Bahagian Kerajaan Tempatan

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Warga Kerja**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian *Digital@SeberangPerai* yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) secara maya (*virtual*).

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir untuk merasmikan Program *Digital@SeberangPerai* pada pagi ini.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP; Yang Berusaha Puan Nur'Aishah binti Md Norodin, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan; Yang Berusaha Tuan Kamarul Haizal

Bin Koderat, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah; Yang Berusaha Tuan Mohamat Johari bin Mat Nor, Pengarah Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang; Yang Berusaha Puan 'Ainul Fadhilah Binti Samsudi, Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang; Yang Berusaha Puan Sharimah Binti Salleh, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP; serta kesemua warga Seberang Perai dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi hadir secara fizikal dan *virtual* untuk menjayakan program ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP mempunyai 100 perkhidmatan di atas talian dan 25 inisiatif *Smart City* yang sedang dilaksanakan untuk mencapai visi MBSP. Di samping itu, Jabatan-Jabatan kerajaan di Pulau Pinang juga mempunyai perkhidmatan di atas talian yang perlu disampaikan dan diambil manfaat oleh penduduk Seberang Perai.

Justeru, MBSP menganjurkan program *outreach Digital@SeberangPerai, Cyber Counter Corner* dan *Seberang Perai City Channel* untuk dissemination for understanding, dissemination for

awareness dan dissemination for action. *Digital@SeberangPerai*, *Cyber Counter Corner* dan *Seberang Perai City Channel* menjadi platform untuk membangunkan modal insan di kalangan penduduk Seberang Perai supaya mereka menjadi *smart people* yang boleh menikmati pembangunan *smart city* Pulau Pinang. Pembangunan modal insan bukan hanya terbatas kepada pendidikan di pusat latihan, universiti atau kolej, tetapi pembangunan modal insan adalah satu usaha yang berterusan oleh semua pihak agar warga Seberang Perai dan Pulau Pinang boleh mengambil bahagian di dalam era digital sehingga mewujudkan *smart citizen* yang boleh mengambil bahagian di dalam pembangunan bandar melalui input-input dan idea-idea yang membina. Pada ketika itu, kita boleh mengisytiharkan “*Seberang Perai and Penang Smart City are built by smart people , not smart things*”.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program *Digital@SeberangPerai* mula-mula diperkenalkan dan dilancarkan di Mydin Mall Bertam pada 5 Oktober 2019 yang melibatkan Jabatan-Jabatan Dalaman MBSP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengangkutan Jalan, Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Jabatan Pendaftaran

Negara Pulau Pinang (JPN), Agensi Swasta iaitu Cytron Technologies Sdn. Bhd. dan Wessteck Multimedia.

Program *Digital@SeberangPerai* terbuka kepada semua warga Malaysia dan julung kalinya dilaksanakan secara maya (*virtual*). Program ini memberikan pendedahan kepada individu, komuniti atau penduduk Seberang Perai dan juga Pulau Pinang secara amnya, serta memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan digital dan *online* dalam penyampaian pelbagai perkhidmatan yang terdapat di MBSP dan agensi-agensi kerajaan di Pulau Pinang. Kalau sebelum ini, MBSP dan agensi-agensi kerajaan menyediakan kiosk atau *booth* pameran secara fizikal untuk mempamerkan perkhidmatan yang disediakan, kali ini, kiosk dan booth pameran disediakan secara maya.

Selesai sahaja perasmian ini, orang ramai boleh melayari laman web <https://www.mbsp.gov.my/dsp2021/> tanpa hadir secara fizikal di Menara MBSP untuk mendapatkan maklumat dan berinteraksi dengan perkhidmatan dalam talian. Laman web ini juga menyediakan Sokongan Pelanggan (*Customer Support*) dalam bentuk *Chat Box* untuk memudahkan pengunjung yang melayari mana-mana bahagian perkhidmatan digital

dalam laman web ini untuk berinteraksi dengan “*Person-In-Charge*” bagi mendapatkan maklum balas.

Agensi-agensi kerajaan iaitu Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) juga menyediakan ruang-ruang pameran *virtual* atau *booth* perkhidmatan *online* mereka di dalam laman web *Digital@SeberangPerai*.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP telah melaksanakan 25 Inisiatif Pintar untuk membuat pembaharuan institusi atau *institutional reform* dalam penyampaian perkhidmatan bagi memperbanyakkan penggunaan teknologi digital dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Program *Digital@SeberangPerai*. Layarilah laman web *Digital@SeberangPerai* dan lawatilah ruang-ruang pameran maya (*virtual*).



Pengunjung berpeluang untuk menyertai 30 cabutan bertuah bernilai RM100.00 setiap satu, dengan mendaftar dan menjawab maklumbalas yang disediakan di laman web Program *Digital@SeberangPerai*. Setiap jam akan diadakan lima cabutan bertuah untuk dimenangi. Program hari ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran berhubung kemudahan perkhidmatan digital sedia ada dan kaedah penggunaan untuk kemudahan bersama.

Hari ini juga, kita akan merai dan memberikan hadiah kemenangan kepada kumpulan yang berjaya dalam *Hackfest* MBSP 2021 yang di adakan pada 1 sehingga 3 Oktober 2021 secara maya "*virtual*". Program *Hackfest* MBSP 2021 merupakan salah satu program di bawah *Digital@SeberangPerai* yang merupakan satu perhimpunan mengumpulkan pembangun sistem, pengaturcara, pereka grafik, syarikat dan pencetus idea serta pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan model penyelesaian untuk berkolaborasi dalam membina idea dan penyelesaian. Penyertaan *Hackfest* MBSP pada kali ini disertai oleh 14 kumpulan. Malahan dari segi umur, juga terdapat perbezaan yang ketara di mana julat umur peserta adalah dari 18 hingga 52 tahun. Bermakna *Hackfest* bukan sahaja diminati oleh golongan belia, malah di kalangan orang dewasa. Tema *Hackfest* MBSP pada kali ini ialah "*Connect People*" dan empat (4) *problem statement* telah diketengahkan iaitu :

- i. Jabatan Kejuruteraan – Permohonan Lampu Jalan MBSP;
- ii. Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa – Penyelarasan Maklum Balas / Minit / Permohonan Antara Jabatan Dalam MBSP;
- iii. Jabatan Khidmat Pengurusan – Pengumpulan Maklumat Pencalonan Anugerah / Kurniaan Pingat Dari Semua Jabatan; dan
- iv. Jabatan Bangunan – Permohonan Pelan Bangunan.

Para pemenang akan diberikan hadiah wang tunai bernilai RM 5,000.00 bagi tempat pertama, RM3,000.00 bagi tempat kedua dan RM1,000.00 bagi tempat ketiga. Hasil cadangan penyelesaian yang dikemukakan kepada MBSP pula akan menjadi milik MBSP sepenuhnya. Bagi kumpulan yang berjaya dengan idea kreatif yang dikemukakan, MBSP akan mempertimbangkan untuk melaksanakan projek berkenaan untuk kegunaan MBSP. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pemenang *Hackfest* MBSP 2021.

## Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sebelum saya mengakhiri kata-kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus menjayakan Program *Digital@SeberangPerai* dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Yang Dihormati Ketua-Ketua WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), warga kerja MBSP serta seluruh penduduk Seberang Perai yang memberikan sokongan padu ke atas usaha-usaha ini. Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat global yang bermaklumat. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama ini. MBSP juga akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. MBSP tidak akan berhenti berjuang dan kami perlukan sokongan dan kerjasama semua bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City*. *Stay safe and healthy*.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***